KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 DISEMBER 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Laman web MAS diceroboh	KOSMO
2.	Laman web MAS jadi sasaran penggodam	Sinar Harian
3.	Laman sesawang MAS tidak digodam	BERNAMA
4.	MAS website hacked	The Sun
5.	MAS website hacked by group with 'links to IS'	New Straits Times
6.	Hackers thumb noses at MAS denial	The Malay Mail
7.	Polis siasat hubungan Lizard Squad dengan kumpulan militan	KOSMO
8.	Mangsa banjir di Sabah, Sarawak terus menurun	BERNAMA
9.	Pegawai Jabatan Kimia maut kemalangan	Utusan Malaysia
10.	Ajal juruanalisis kimia langgar bas	Harian Metro
11.	Keputusan rayuan kes liwat Anwar ditetapkan 10 Feb	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Penjenayah maya daripada kumpulan Khalifah Siber dakwa godam data penumpang

Laman web MAS diceroboh

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI, MALINDA ABDUL MALIK dan NORAINI HASAN BASRI
shaherman.shamsuri@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Ribuan pelanggan syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di seluruh dunia semalam terkejut apabila laman web rasmi syarikat itu, *www.malaysiaairlines.com* digodam penjenayah siber Lizard Squad yang menganggotai satu kumpulan dikenali sebagai Cyber Caliphate atau Khalifah Siber.

Serangan 1 jam 45 minit itu bermula pukul 10 pagi dengan penggodam pada 25 minit pertama meletakkan gambar sebuah pesawat Airbus A380 dimiliki MAS pada paparan utama laman web berkenaan.

Selepas itu, penggodam itu menukar gambar pesawat tersebut dengan gambar seekor cicak memakai sut hitam dan tertera satu mesej iaitu *404- Plane Not Found, Hacked by Lizard Squad.*

Laman web MAS pulih pada pukul 10.45 pagi sebelum digodam semula pukul 12 tengah hari dan berakhir pukul 1 petang.

Ekoran serangan siber itu menyebabkan gangguan kepada pelanggan MAS yang mahu berurusan dengan syarikat itu terutama bagi membuat tempahan tiket penerbangan.

Kumpulan penggodam terbabit turut memberikan akaun Twitter untuk menghubungi mereka iaitu @*umgrobert* dan *@umg_chris* dengan turut memberikan beberapa nama seperti Lizard Squad, Ugnazi, Nathan Nye dan Henry Blair Strrater.

Wartawan *Kosmo!* yang memantau laman web MAS mendapati laman web itu dipulihkan pada pukul 1 petang namun beberapa pautan pada paparan utama hanya mampu berfungsi semula selepas pukul 9 malam tadi.

Sementara itu, MAS dalam satu kenyataan memberitahu, syarikat itu mengesahkan bahawa laman web rasmi miliknya digodam namun menafikan data peribadi pelanggan syarikat itu berjaya diceroboh penggodam terbabit.

MAS turut memaklumkan bahawa insiden pencerobohan itu tidak menjejaskan tempahan tiket yang telah dibuat oleh pelanggan sebelum ini.

"Para pelanggan akan terus ke laman web penggodam sekiranya melayari *www.malaysiaairlines.com* namun ia tidak menjejaskan pelayan web.

"MAS telah menangani isu ini dengan pembekal yang menyediakan perkhidmatan pelayan laman web. Sistem dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 22 jam dari sekarang," katanya.

Berikutan isu itu, MAS telah membuat laporan kes itu kepada Cyber Security Malaysia dan Kementerian Pengangkutan.

Bagaimanapun, penggodam kemudian mengeluarkan kenyataan menerusi akaun Twitter bagi menafikan kenyataan MAS itu. Ia juga mengancam mahu mendedahkan lebih banyak data yang berjaya diperoleh daripada laman web syarikat penerbangan tersebut.

"Kenyataan media: Kami ingin menegaskan MAS telah berbohong tentang data pengguna yang tidak dikompromi, sila rujuk pautan imgur yang kami berikan sebelum ini.

"Kami akan mendedahkan data-data yang berjaya kami peroleh dalam pelayan *http://www.malaysiaairlines.com/* tidak lama lagi," demikian kemas kini akaun Twitter penggodam itu.

LAMAN web rasmi MAS digodam penjenayah kumpulan Khalifah Siber yang mendakwa mempunyai kaitan dengan kumpulan militan Islamic State. – Gambar hiasan

> **Kami akan mendedahkan data-data yang berjaya kami peroleh dalam pelayan *http://www.malaysiaairlines.com/* tidak lama lagi**
>
> KEMAS KINI AKAUN TWITTER PENGGODAM

INFO Kronologi laman web MAS digodam

- **10 pagi** - Kali pertama laman web rasmi MAS, *www.malaysiaairlines.com* digodam oleh Cyber Caliphate yang juga mengaku daripada kumpulan Lizard Squad dengan terpaparnya gambar sebuah pesawat milik MAS Airbus A380
- **10.25 pagi** - Penggodam menukar imej pesawat Airbus A380 dengan gambar seekor cicak yang lengkap memakai sut hitam dan tertera satu mesej iaitu *404- Plane Not Found, Hacked by Lizard Squad* di paparan utama web berkenaan
- **10.45 pagi** - Laman web rasmi MAS kembali pulih
- **12 tengah hari** - Kembali diserang oleh Cyber Caliphate yang sekali lagi memaparkan gambar seekor cicak lengkap memakai sut hitam
- **1 petang** - Laman web berkenaan pulih dengan paparan seperti biasa namun pautan pada paparan utama masih gagal beroperasi

PAPARAN laman web MAS menggunakan gambar cicak memakai sut hitam selepas digodam Lizard Squad.


LAMAN web rasmi MAS kembali pulih pada pukul 1 petang semalam iaitu selepas hampir dua jam digodam.

INFO Lizard Squad

- Merupakan kumpulan penggodam terkenal yang sering menyerang dan menggodam sistem permainan video dan rangkaian internet
- **18 Ogos 2014** - Lizard Squad melakukan pencerobohan pertama pada server League of Legends yang menyebabkan permainan berkenaan tidak boleh dilayari
- **24 Ogos 2014** - Lizard Squad mendakwa bertanggungjawab terhadap serangan yang melumpuhkan sistem PlayStation Network
- **23 November 2014** - Kumpulan ini mendakwa menggodam permainan video terbaharu Destiny server
- **1 Disember 2014** - Xbox Live digodam dan mengakibatkan pengguna yang cuba mengakses perkhidmatan itu diberi kod gagal 80151909
- **8 Disember 2014** - PlayStation Network diserang sekali lagi oleh Lizard Squad dengan menyebabkan pelanggan yang mencuba untuk mengakses masuk akan menerima pesanan halaman tidak ditemui, bukan salah anda ia salah internet
- **26 Disember 2014** - Lizard Squad menghentikan serangan ke atas Xbox Live dan PlayStation Network selepas Kim Dotcom menawarkan 3,000 akaun ke atas perkhidmatan memuat naik mereka

Info Solat

27 JANUARI 2015 ▪ 6 RABIULAKHIR 1436H

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	SYAK
K. LUMPUR	6.08	7.28	1.29	4.50	7.26	8.39
SHAH ALAM	6.08	7.28	1.29	4.50	7.26	8.39
SEREMBAN	6.05	7.25	1.27	4.49	7.26	8.38
MELAKA	6.04	7.24	1.26	4.48	7.26	8.38
JOHOR BAHRU	5.57	7.17	1.20	4.42	7.20	8.33
IPOH	6.12	7.29	1.31	4.53	7.28	8.40
P. PINANG	6.15	7.33	1.33	4.55	7.29	8.41
ALOR SETAR	6.16	7.34	1.33	4.54	7.27	8.40
K. TERENGGANU	6.04	7.24	1.22	4.44	7.18	8.30
KOTA BHARU	6.13	7.29	1.26	4.47	7.21	8.29
KUANTAN	6.02	7.22	1.23	4.45	7.21	8.34
KANGAR	6.16	7.37	1.33	4.54	7.27	8.40
TAWAU	5.05	6.25	12.24	3.46	6.21	7.33
KOTA KINABALU	5.13	6.33	12.31	3.52	6.25	7.38
KUCHING	5.32	6.48	12.55	4.17	6.55	8.08
MIRI	5.19	6.35	12.39	4.01	6.37	7.49

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Laman web MAS jadi sasaran penggodam

SHAH ALAM – Laman web syarikat penerbangan MAS pagi semalam, menjadi sasaran kumpulan penggodam yang menggelar diri mereka Cyber Caliphate (Khalifah Siber).

Cubaan untuk mengakses laman web MAS pagi semalam, membawa pengguna ke halaman berlatar belakang hitam dengan tulisan merah berbunyi *404 – Plane not found* (pesawat tidak ditemui).

Kebiasaannya, laman web yang tidak dapat diakses akibat tiada liputan internet akan mengeluarkan nota berbunyi *404 – Page not found* (halaman tidak ditemui).

Kumpulan itu juga, memberi gambaran seolah-olah mereka mempunyai kaitan dengan kumpulan militan Negara Islam (IS) apabila menulis *ISIS will prevail* atau IS akan kekal pada bahagian 'tab' laman web MAS.

Bagaimanapun, laman web itu kembali pulih lebih kurang setengah jam selepas itu.

MAS dalam satu kenyataan semalam mengesahkan laman webnya dikompromi tetapi menjelaskan ia bukan digodam.

Menurut syarikat itu, pengguna yang cuba mengakses *www.malaysiaairlines.com* dialihkan ke laman web milik penggodam.

Syarikat itu turut memaklumkan masalah bersifat sementara itu tidak memberi kesan kepada tempahan pelanggan dan data pengguna juga masih selamat.

"Pelayan web kami pada masa ini masih utuh. Kami telah menyelesaikan isu ini dengan penyedia perkhidmatan (laman web) dan sistem ini dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 22 jam.

"Insiden ini juga telah dilaporkan serta-merta kepada CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pengangkutan," menurut MAS.

Kaitan kumpulan itu dengan IS dan motif perbuatan godam itu tidak dapat disahkan.

Pengguna yang cuba mengakses laman web MAS dialihkan ke halaman ini.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Laman Sesawang MAS Tidak Digodam

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) memberi jaminan kepada pelanggan-pelanggan bahawa laman sesawangnya tidak digodam.

Syarikat penerbangan itu berkata gangguan sementara itu tidak menjejaskan tempahan pelanggan dan data mereka kekal selamat.

Dalam satu kenyataan, MAS berkata apa yang berlaku pelanggan yang melayari internet dan ingin memasuki laman sesawang syarikat itu www.malaysiaairlines.com telah dilencongkan ke laman sesawang penggodam.

"Setakat ini, pelayan Malaysia Airlines tidak diganggu," kata MAS.

Menurut kenyataan itu MAS telah menyelesaikan isu itu dengan penyedia perkhidmatan dan masalah laman sesawangnya dijangka dipulihkan sepenuhnya.

Ia berkata perkara itu telah dilaporkan segera kepada **CyberSecurity Malaysia** dan Kementerian Pengangkutan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 27 JANUARI 2015 (SELASA)

MAS website hacked

> Data of visitors, including a VIP, compromised

BY ***VATHANI PANIRCHELLVUM*** AND ***LEE CHOON FAI***
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The website of Malaysia Airlines (MAS) was breached yesterday by hackers allegedly linked to Islamic State (IS) militants.

It was later learnt that data of visitors to www.malaysiaairlines.com had been compromised, including some personal details of a "Datuk Seri".

The website was altered to read "ISIS will prevail", with the message "Plane not found", seemingly in reference to flight MH370.

The message was signed "Cyber Caliphate", with a rap song playing in the background.

A subsequent check revealed the homepage had been hacked again, this time featuring an image of a lizard clad in a tuxedo and smoking a pipe. A group from Finland called "Lizard Squad" was said to be behind the second hack.

"404 – Plane Not found. Hacked by Lizard Squad. Follow cybercaliphate on twitter @lizardmafia @umgrobert @ umg_chris," were the messages left on the airline's homepage.

MAS later issued a statement stating that visitors to www.malaysiaairlines.com were being re-directed to a hacker website.

"We assure our customers and clients that our website was not hacked and this temporary glitch does not affect their bookings and that user data remains secured.

"At this stage, MAS' web servers are intact. The airline has resolved the issue with its service provider and the system is expected to be fully recovered within 22 hours," the statement said.

Lizard Mafia responded to the statement by tweeting: "We would like to point out that @MAS is lying about user data not being compromised. Refer to earlier imgur link."

The post was accompanied by screenshots of MAS' email system, with customers' full name, email address and contact number, including some details of the VIP.

Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein told *theSun* that he would not be able to comment on the alleged hacking, as the matter comes under the purview of the Home Ministry.

The matter has been reported to CyberSecurity Malaysia and the Transport Ministry.

Meanwhile, Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said police will investigate the matter under the Computer Crimes Act 1997 to ascertain the motive and the culprits behind the hacking.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 27 JANUARI 2015 (SELASA)

MAS website hacked by group with 'links to IS'

MISCHIEF: MAS confirms domain name compromised, but says web servers are intact

THARANYA ARUMUGAM AND TEOH PEI YING
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Malaysia Airlines' (MAS) website was yesterday compromised by hackers who claimed to be from the "Lizard Squad", a group infamous for causing havoc on the Internet.

The hackers, who had hinted links to Islamic State (IS) militants, called themselves the "Official Cyber Caliphate".

Although it was unclear why the national airline was targeted, the group via its Twitter handle "@LizardMafia" said it was "going to dump some loot found on malaysiaairlines.com servers soon".

Internet users who visited MAS' official page yesterday were taken aback when they were redirected to another page bearing an image of a tuxedo-wearing lizard with the words "Hacked by Lizard Squad — Official Cyber Caliphate".

The page, which had a black backdrop, also carried the headline "404 - Plane Not Found", referring to MAS flight MH370, which went missing on March 8 last year with 239 people on board.

Three unverified Twitter account addresses and a recorded rap song were also featured on the page.

International media reports said versions of the redirected page in some regions included the wording "ISIS (Islamic State of Iraq and Syria) will prevail".

Following the incident, MAS launched a temporary page for its customers to book tickets and check-in online.

MAS, in a statement yesterday, confirmed its Internet domain name had been compromised, redirecting users.

"At this stage, MAS web servers are intact. The airline has resolved the issue with its service provider and the system is expected to be fully recovered within 22 hours.

"The matter has also been reported to CyberSecurity and the Transport Ministry. MAS assures (its) customers and clients that its network was not hacked and this temporary glitch does not affect their bookings and that user data remains secured," it said.

However, in response to the statement, Lizard Squad, which has 144,000 followers on Twitter, tweeted: "We would like to point out that @MAS is lying about user data not being compromised. Refer to earlier imgur link."

The link displayed a screenshot of what appeared to be an e-mail account bearing MAS bookings.

International and Trade Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed was said to be among the passengers whose names were on the itinerary.

Prior to the hack, Lizard Squad had hinted plans to hack MAS's website in a series of tweets.

"Let's get the lizards together and have some fun today. Cooking up something special. http://www.malaysiaairlines.com," it said.

A screen grab of Malaysia Airlines' ***website after it was hacked yesterday.*** Reuters pic

The MAS website, however, had been recovered as of press time yesterday.

CyberSecurity Malaysia chief executive officer Dr Amirudin Abdul Wahab said upon investigation, it was found that it was a case of domain hijacking.

He said CyberSecurity was prepared to assist MAS in resolving the issue and prevent future occurrences.

Domain hijacking, he said, was a process by which Internet domain names were stolen from its legitimate owners. It is also known as domain theft.

"The best way to protect the domain name is to protect the administrative email account associated with the domain or to go for a private domain registration," said Amirudin.

Meanwhile, the Malaysian Communications and Multimedia Commission said hacking fell under the Computer Crimes Act 1997, which is under the jurisdiction of the police.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar told the *New Straits Times* the police were investigating the matter under the act.

The Lizard Squad had last month taken credit for attacks that took down the Sony PlayStation Network and Microsoft's Xbox Live network.

On Jan 18, the group on its Facebook page (Lizard Squad) with 25,184 likes (at press time) said they "want to hack into Russia database and launch some nukes (nuclear missiles) to Australia".

Another Facebook post stated: "FBI — Federal Bureau of Investigation could easily find all of IS if they actually tried enough."

The extent of any links with IS, however, has yet to be known.

Lizard Squad's (LS) actions last year

AUG 24: LS claimed that a plane in which the president of Sony Online Entertainment, John Smedley, was flying (American Airlines Flight 362) had explosives on board.

AUG 24: The PlayStation Network was taken down via a distributed denial-of-service (DDoS) attack, with LS claiming responsibility.

AUG 26: LS hacked Twitch TV, a video platform and community for gamers.

AUG 27: Servers of the game League of Legends were taken offline with a DDoS attack.

NOV 23: LS claimed it attacked Destiny servers with a DDoS attack.

DEC 1: Xbox Live was apparently attacked by LS, users attempting to connect to use the service would be given the 80151909 error code.

DEC 2: LS hacked Machinima.com, a video entertainment network for gamers, replacing its front page with ASCII (American Standard Code for Information Interchange) art of their logo.

DEC 8: Anyone who attempted to access the PlayStation Store was greeted by the message: "Page Not Found! It's not you. It's the internet's fault."

DEC 22: Internet in North Korea was taken offline by a DDoS attack, LS claimed responsibility for the attack and linked to an IP address located in the country. North Korean Internet services were restored on Dec 23.

DEC 25: On Christmas Day, LS claimed to have performed a DDoS attack on Xbox Live and PlayStation Network.

DEC 26: A Sybil attack involving more than 3,000 relays was attempted against the Tor network. Nodes with names beginning with "LizardNSA" began appearing. LS claimed responsibility for this attack.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Hackers thumb noses at MAS denial

Screen capture shows main page of MAS's website replaced by a photo of a MAS plane, with the words '404 — plane not found'.

KUALA LUMPUR — Scoffing at Malaysia Airlines' (MAS) claim that its passenger user data remained secure despite yesterday morning's attack on its domain, hacker group Lizard Squad has leaked a list of flight bookings online, including one believed to be for minister Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Using the Twitter handle @LizardMafia, the group posted an image of what is believed to be the national career's email system, which lists, among others, an urgent flight reservation for the International Trade and Industry minister, *Malay Mail Online* reported.

The image also lists a number of travel itinerary receipts containing the names of passengers, their email addresses and contact numbers.

"lololol," @LizardMafia wrote on the microblogging site. "Lol" is an acronym for "laugh out loud", a term commonly used as Internet slang to denote laughter.

In another posting, Lizard Squad accused MAS of lying in its press statement earlier when it claimed that its user data is secure.

"(MEDIA STATEMENT): We would like to point out that @MAS is lying about user data not being compromised. Refer to earlier imgur link," the hacker group said.

Earlier yesterday, MAS confirmed the attack on its Domain Name System (DNS) but said the incident only resulted in a "temporary glitch" that did not affect flight bookings or user data.

MAS confirmed its DNS was compromised in the process and visitors to *www.malaysiairlines.com*_were immediately redirected to a hacker website.

But, it stressed, the issue has since been resolved.

"The airline has resolved the issue with its service provider and the system is expected to be fully recovered within 22 hours," it said in the statement on its Facebook page.

"Malaysia Airlines assures customers and clients that its website was not hacked and this temporary glitch does not affect their bookings and that user data remains secured."

MAS said the matter has also been reported to CyberSecurity Malaysia and the Transport Ministry.

Yesterday, MAS's official website had its page title replaced with the words "Isis will prevail" by hackers calling themselves the "Cyber Caliphate".

The main page of the website was replaced with a photo of Airbus A380 jetliner bearing MAS's logo, with the words "404 — plane not found", a reference to Internet error code "404 not found".

A few minutes later, the page was then changed to a black background, listing another entity called "Lizard Squad" from Finland as one of those responsible for the hack.

The squad's logo is that of a lizard wearing a tuxedo, a top hat, a monocle and smoking a pipe.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Polis siasat hubungan Lizard Squad dengan kumpulan militan

KUALA LUMPUR – Polis sedang menyiasat penjenayah siber, Lizard Squad yang menggodam laman web rasmi Penerbangan Malaysia (MAS) sama ada mereka benar-benar mempunyai kaitan dengan kumpulan militan Islamic State (IS) seperti yang didakwa.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar ketika dihubungi *Kosmo!* menerusi kiriman aplikasi WhatsApp berkata, pihaknya akan melakukan siasatan mengenai kumpulan penggodam itu yang menyebabkan urusan pelanggan dengan MAS menerusi laman web tergendala selama hampir dua jam semalam.

"Nanti pihak kami akan semak kumpulan penggodam itu," kata Khalid ringkas.

Sementara itu, satu sumber keselamatan pula memberitahu, insiden pencerobohan laman web MAS itu dipercayai tiada kaitan dengan kumpulan IS sebaliknya dilakukan segelintir individu yang tidak bertanggungjawab bagi mencetuskan suasana provokasi.

KHALID

Bagaimanapun, jelas sumber itu lagi, pihaknya sedang menjalankan siasatan menyeluruh bagi mengenal pasti identiti atau latar belakang penggodam itu.

"Memang penjenayah siber itu beri gambaran seolah-olah mereka mempunyai kaitan dengan kumpulan militan dengan menggelarkan diri sebagai Cyber Caliphate (Khalifah Siber) selain memaparkan mesej *ISIS WILL PREVAIL* (ISIS Akan Terus Kekal) namun perkara itu boleh dikatakan sengaja mahu menimbulkan rasa panik," ujarnya.

Sementara itu, CyberSecurity Malaysia mengesahkan menerima laporan tentang gangguan pada laman web rasmi MAS semalam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, menurut kajian memang didapati berlaku insiden kecurian domain (domain hijacking) terhadap laman web tersebut.

Kata beliau, kecurian domain itu berlaku apabila laman web syarikat penerbangan itu berjaya diceroboh dan dikawal oleh pihak ketiga tanpa kebenaran pemilik laman web tersebut.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Mangsa Banjir Di Sabah, Sarawak Terus Menurun

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan di Sabah dan Sarawak terus mencatatkan penurunan tengah hari ini.

Namun, di Kelantan jumlah mangsa kekal 255 orang daripada 62 keluarga di lapan pusat pemindahan di Kuala Krai.

Di SABAH, jumlah mangsa banjir menurun kepada 54 orang daripada 10 keluarga berbanding 224 orang daripada 45 keluarga pagi tadi manakala dua pusat pemindahan masih beroperasi.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Beaufort berkata daerah itu merekodkan 11 mangsa daripada dua keluarga manakala Membakut mempunyai 43 mangsa daripada lapan keluarga.

Di SARAWAK, jumlah mangsa di lapan pusat pemindahan turun kepada 915 orang daripada 288 keluarga berbanding 983 daripada 306 keluarga pagi tadi.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkata bahagian Samarahan masih mencatat bilangan mangsa tertinggi iaitu 410 orang, diikuti Limbang (356), Miri (83) dan Mukah (66).

Di KELANTAN, Jurucakap MKN Kelantan berkata sehingga kini kesemua mangsa masih ditempatkan di dewan sekolah, kilang dan masjid berikutan rumah mereka hanyut atau rosak teruk akibat banjir yang berlaku Disember lepas.

Dalam pada itu, **Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam satu kenyataan berkata aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Reef South dan perairan Sarawak iaitu di Rejang, Mukah, Bintulu dan Miri dijangka berterusan sehingga lewat petang ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARA) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 27 JANUARI 2015 (SELASA)

KERETA Rishahfaizal Mohamed Kassim (gambar kecil) remuk setelah terlibat dalam kemalangan dengan bas pelancong di Jalan Maharajalela, Kuala Lumpur, semalam.

Pegawai Jabatan Kimia maut kemalangan

KUALA LUMPUR 26 Jan. - Seorang pegawai Jabatan Kimia maut setelah kereta yang dipandunya merempuh belakang sebuah bas pelancong di Jalan Maharajalela di sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9 pagi itu, mangsa, Rishahfaizal Mohamed Kassim, 48, yang memandu kereta jenis Perodua Kancil maut di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala.

Mayat mangsa yang tersepit akibat kenderaan terbabit terperosok ke bawah bas berkenaan berjaya dikeluarkan oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah kira-kira setengah jam kemudian.

Pegawai Turus Siasatan dan Perundangan Trafik Kuala Lumpur Deputi Superintenden S. Markandan berkata, kemalangan itu dipercayai berlaku apabila kereta yang dipandu mangsa berhenti di tengah jalan, namun secara tiba-tiba bergerak laju lalu merempuh belakang bas terbabit.

"Semasa kejadian itu, bas tersebut berada di tepi jalan bagi menunggu pelancong untuk di bawa ke Muzium Negara.

"Bagaimanapun tiba-tiba kereta mangsa merempuh belakang bas tersebut dan mengakibatkan pemandunya mengalami kecederaan parah di kepala serta maut di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Markandan berkata, mayat mangsa dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Ajal juruanalisis kimia langgar bas

Kuala Lumpur: Seorang juruanalisis kimia maut selepas kereta Perodua Kancil dipandunya merempuh belakang sebuah bas persiaran yang berhenti di bahu jalan dalam kejadian di Jalan Maharajalela di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 9 pagi itu, mangsa, Rishahfaizal Mohamed Kassim, 48, yang berasal dari Kampung Melayu, Batu 16, Rawang itu disahkan maut di lokasi kejadian akibat kecederaan parah di kepala.

RISHAHFAIZAL

Pegawai Turus Siasatan dan Perundangan Trafik Kuala Lumpur Deputi Superintendan S Markandan berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila kereta yang dipandu mangsa pada mulanya berhenti di tengah jalan berhampiran sebuah stesen minyak di situ.

Bagaimanapun, kereta itu tiba-tiba bergerak secara melulu lalu terus merempuh belakang bas yang sedang berhenti menunggu pelancong untuk dibawa ke Muzium Negara.

"Siasatan awal tidak menolak kemungkinan kenderaan itu dipandu laju kerana tidak menemui kesan brek," katanya.

Katanya, mayat dihantar ke Bilik Mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Keputusan Rayuan Kes Liwat Anwar Ditetapkan 10 Feb

PUTRAJAYA, 26 Jan (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan menetapkan 10 Feb untuk keputusan rayuan terakhir Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap sabitan dan hukuman penjara lima tahun atas tuduhan meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari Azlan enam tahun lepas.

Tarikh keputusan itu diumumkan hari ini dalam akaun Twitter Badan Kehakiman Malaysia. Keputusan itu akan diumumkan pada 9 pagi.

Apabila dihubungi, Ketua Bahagian Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa Mahkamah Persekutuan, Mohd Aizuddin Zolkeply mengesahkan tarikh itu.

Keputusan rayuan itu akan diumumkan oleh panel lima hakim diketuai Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria.

Turut sama bersidang Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif dan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Abdull Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Ramly Ali, yang mendengar rayuan Anwar pada November tahun lepas dan menangguhkan keputusan itu.

Anwar, 67, membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mendapati dia bersalah atas tuduhan meliwat dan menjatuhkan hukuman penjara lima tahun.

Mahkamah Rayuan pada 7 Mac tahun lepas, membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang melepas dan membebaskan Anwar daripada pertuduhan itu.

Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu didakwa meliwat Mohd Saiful, 27 di Unit 11-5-1 di Kondominium Desa Damansara, Jalan Setiakasih, Bukit Damansara, di sini antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Jika Anwar kalah dalam rayuannya, Anggota Parlimen Permatang Pauh itu boleh hilang kelayakan sebagai seorang anggota parlimen sebagaimana Artikel 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seseorang anggota parlimen boleh dilucutkan kelayakannya jika beliau dijatuhkan hukuman penjara lebih daripada setahun atau didenda lebih daripada RM2,000.

Pada 9 Jan 2012, Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan Anwar daripada tuduhan meliwat Mohd Saiful atas alasan mahkamah tidak boleh 100 peratus pasti tentang integriti sampel DNA yang diambil untuk ujian daripada mangsa.

Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa sampel itu mungkin diganggu sebelum sampai ke **Jabatan Kimia** untuk dianalisis.

Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan, meminda keputusan Mahkamah Tinggi bahawa hakim perbicaraan terkilaf apabila meragui integriti sampel berdasarkan keterangan dua pakar saksi yang dipanggil pihak pembelaan.

Anwar diwakili oleh sepasukan 15 peguam diketuai bekas hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Seri Gopal Sri Ram manakala peguam kanan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah mengetuai pasukan pendakwaan.

-- BERNAMA